

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, February 6, 2017 8:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: 14 Tahun Penubuhan IPDM Terus Fokus Bidang Kepimpinan Dan Polisi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



6 FEBRUARI 2017 / 9 JAMADILAWAL 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

14 TAHUN PENUBUHAN IPDM TERUS FOKUS BIDANG KEPIMPINAN DAN POLISI



UUM ONLINE: Menginjak usia 14 tahun penubuhannya, Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM) UUM disarankan untuk terus memberi fokus dalam bidang kepimpinan dan polisi.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, sejak ditubuhkan IPDM turut melalui fasa mencabar apabila berhadapan dengan situasi sukar berikutan jenama yang dibawahnya.

"Bagaimanapun, dalam usia IPDM yang sudah matang itu, institut tersebut kini sudah boleh mencapai banyak perkara yang digariskan sejak ia ditubuhkan dengan memberi fokus kepada bidang kepimpinan dan polisi, selain latihan dan pembangunan serta memperkasakan program-program serta penyelidikan yang dijalankan.

"Kita mempunyai Ahli Majlis IPDM yang berwibawa dan diyakini dapat menentukan hala tuju institut dalam melaksanakan agenda yang dirancang dan memberi petunjuk serta nasihat pengurusan kepada IPDM tentang perkara yang perlu diberikan keutamaan," katanya selepas Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Majlis IPDM di EDC Hotels & Resorts, tengah hari tadi.

Selain itu, menurut beliau lagi, IPDM juga perlu perbanyakkan kajian tentang negara luar seperti Indonesia, Singapura atau Thailand, malah boleh menawarkan geran penyelidikan kepada pelajar pasca siswazah untuk menghasilkan kajian mereka dalam bidang polisi dan kepimpinan.

Naib Canselor berkata, beliau berharap IPDM mempunyai fokus yang lebih jelas untuk terus bergerak dan Ahli Majlis yang dilantik dapat memainkan peranan penting dengan memberi petunjuk atau pandangan pengurusan kepada IPDM tentang agenda yang perlu diberikan keutamaan.

Seramai 12 Ahli Majlis IPDM baharu yang dipengerusikan Naib Canselor telah dilantik bagi tempoh dua tahun mulai 2017 hingga 2018 iaitu Tan Sri Dato' Seri Utama Ismail Omar, Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd; Dato' Dr Chamil Wariya, Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Press Institute (MPI); Prof Dato' Dr Ahmad Murad Mohd Noor Merican, Pensyarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa, USM; Prof Dr Abdul Azed, Pembina Utama, Fakultas Hukum, Universitas Indonesia; Prof Dr Hasan Ali, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa) UUM; Prof Dr Noor Azizi Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UUM; Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UUM; Prof Dr Sivamurugan Pandian, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM; Prof Dr Mohd Kamarunizam Abdullah, Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG); Prof Dr Haim Hilman Abdullah, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dan PPJR. Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Pengarah IPDM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.